



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 1/2009**

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

**TATACARA PELAKSANAAN SEKSYEN 429B KANUN TANAH NEGARA
1965 (PINDAAN) 2008**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan sebagai panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah dan Pendaftar Hakmilik berhubung tatacara pelaksanaan seksyen 429B Kanun Tanah Negara 1965 (Pindaan) 2008.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Rang Undang-Undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2007 telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007 dan di Dewan Negara pada 24 Disember 2007. Ianya telah mendapat Perkenan Diraja pada 24 Januari 2008 dan diterbitkan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan sebagai Akta A1333 pada 7 Februari 2008. Akta ini berkuatkuasa melalui tarikh yang ditetapkan oleh Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Tanah Negara iaitu pada 1 Januari 2009. Pindaan terkini yang telah dilaksanakan melalui Akta A1333 memberi penekanan kepada aspek-aspek untuk memodenkan pentadbiran tanah negeri-negeri seluruh Malaysia selain bertujuan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan atau *Government Delivery System*.
- 2.2 Sebelum kuatkuasa Akta A1333, seksyen 429B Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri ("PTG") atau Pentadbir Tanah Daerah ("PT") kuasa untuk mengenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan sepertimana yang terkandung di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri. Kadar maksimum kompaun yang tertakluk di bawah bidang kuasa PTG dan PT adalah tidak melebihi RM 500-00 bagi setiap kesalahan yang direkodkan. Sekiranya kompaun yang dikenakan itu dibayar oleh orang yang disyaki ("*person reasonably suspected*") melakukan kesalahan tersebut hendaklah dilepaskan dari tahanan (jika beliau ditahan). Seterusnya tiada prosiding pendakwaan boleh dijalankan akibat pembayaran kompaun tersebut.
- 2.3 Selaras dengan kuatkuasa Akta A1333, kuasa untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 429B kini terletak di bawah bidang kuasa Pendakwa

Raya. Ini adalah perlu bagi memenuhi tuntutan Perkara 145(3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan di mana Pendakwa Raya mempunyai kuasa eksklusif untuk memulakan, melaksanakan dan menghentikan mana-mana prosiding pendakwaan ke atas sesuatu kesalahan. Di bawah seksyen 429B (1) (Akta A1333) Kanun Tanah Negara 1965 (Pindaan) 2008, adalah menjadi satu kewajipan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-Pentadbir Tanah untuk mengemukakan permohonan untuk mengkompau disamping mengemukakan keterangan-keterangan serta dokumen-dokumen lanjut bagi menyokong permohonan untuk mendapatkan izin untuk mengkompau tersebut daripada Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya.

3. **PELAKSANAAN**

3.1 Sebelum mengemukakan permohonan untuk mendapatkan izin untuk mengkompau, Pentadbir Tanah perlu memastikan bahawa perkara-perkara di bawah dikemukakan bersama permohonan untuk mendapatkan izin untuk mengkompau:-

3.1.1 Kertas Siasatan berserta dokumen-dokumen sokongan seperti laporan polis (*jika ada*), laporan penguatkuasaan harian, gambar-gambar yang berkaitan, maklumat diari siasatan, carian JPJ (*jika kesalahan melibatkan kenderaan*), carian rasmi maklumat tanah (*jika kesalahan melibatkan lot tanah individu*), pelan lukis / gambar rajah kawasan kejadian serta lain-lain dokumen yang merujuk kepada kesalahan terbabit;

3.1.2 Satu salinan Izin untuk Mengkompau yang telah siap diisi disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan seperti di 3.1.1 (*sila rujuk Lampiran A*) bagi ditandatangani oleh Timbalan Pendakwa Raya atau Penolong Pendakwa Raya.

3.2 Bagi tujuan makluman umum, setiap permohonan untuk mendapatkan izin untuk mengkompaun daripada Pentadbir Tanah, permohonan tersebut perlu dikemukakan terus kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Sembilan yang beralamat di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, Jalan Campbell, 70000 Seremban, Negeri Sembilan.

4. **TARIKH KUATKUASA**

4.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Pentadbir Tanah dan Pendaftar Hakmilik hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan arahan ini dipatuhi sepenuhnya.

(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : Januari 2009
Rujukan : ()dlm. PTG.NS

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan
Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan
Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)
Penolong Pengarah (P/HM)
Penolong Pengarah (HM/S)
Penolong Pengarah (H)
Penolong Pengarah (P)
Penolong Pengarah (PT)
Penolong Pengarah (TM)
Penolong Pengarah (U)

Lampiran A

**SURAT IZIN TAWARAN MENGGOMPAUN
(TIMBALAN PENDAWA RAYA /PENOLONG PENDAKWA RAYA)**

**Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 377(b)
Kanun Tatacara Jenayah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendakwa Raya oleh Seksyen 377(b) Kanun Tatacara Jenayah dan terletak kepada saya mengikut seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah, saya, dengan ini memberi kuasa kepada No. K/P : berjawatan dari untuk memberikan tawaran kompaun

Pemberian kuasa ini adalah sah dan berkuatkuasa selama tempoh masa Pegawai yang namanya dinyatakan di atas bertugas di dan menjalankan tugas-tugas mereka.

Bertarikh pada

.....
(Timbalan Pendakwa Raya /
Penolong Pendakwa Raya)